

# IKRAR PELAJAR BARU

Patuhi segala peraturan UPM

Oleh Idris Musa

idris@hmetro.com.my

SERDANG: Seramai 220 pelajar baru Universiti Putra Malaysia (UPM) melafazkan ikrar untuk mematuhi segala peraturan di hadapan Naib Canselor sempena Program Minggu Suaikenal di Kolej Kelima, universiti itu, semalam.

Mereka mula mendaftar di universiti itu kelmarin, bagi kemasukan sesi November 2003/04, membabitkan program Diploma Pembangunan Manusia seramai 120 orang dan selebihnya Sarjana Muda Sains.

Seorang pelajar Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan) yang berasal dari Terengganu, Martina Ab Malek, 21, berkata dia bersyukur kerana terpilih mengikuti kursus itu.

Katanya, walaupun bergelar pelajar baru dia tidak janggal menyesuaikan diri di kampus itu kerana dia sudah menuntut di universiti terbabit kira-kira tiga tahun lalu untuk memiliki Diploma Sains Komputer.

"Tetapi saya tidak mahu menyambung pengajian bidang sa-



**MARTINA...bersyukur**

ma dengan diploma yang saya miliki kerana khawatir peluang kerja terhad, sedangkan dalam pengurusan ia terbuka luas," katanya ketika ditemui selepas majlis ikrar di depan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zoharie Bardiae.

Pelajar Diploma Pembangunan Manusia dari Ipoh, Norzati Iwani Kamaruddin, 18, berkata dia memilih bidang dan universiti itu kerana memang hasratnya sejak di bangku sekolah.

"Saya menghantar permohon-



**NORAZIMAH...minat teknikal.**

nan untuk program diploma ini berbekalkan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mujur keinginan saya tercapai," katanya.

Sementara itu, Norazimah Syahril, 18, dari Sentul, Kuala Lumpur, yang turut terpilih mengikuti Diploma Pembangunan Manusia berkata, kursus itu sebenarnya kurang diminati.

"Saya lebih berminat kursus berkaitan teknikal, kerana sebelum ini saya belajar dalam bidang itu iaitu di Sekolah Menengah Teknik Kuala Selangor," katanya.